

02 AUG 2002

LID-MAHATHIR/I

DR MAHATHIR AKAN HADIR LID SEBAGAI AHLI BIASA SELEPAS BERSARA

LANGKAWI, 2 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan terus hadir pada Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) selepas bersara pada Oktober tahun depan.

"Saya akan hadir, saya akan pastinya sebagai ahli biasa," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Dr Mahathir yang menghadiri Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2002 berkata demikian semasa diminta mengulas gesaan ketua-ketua negara/kerajaan yang menghadiri dialog ini yang meminta Perdana Menteri meneruskan khidmatnya selepas meletakkan jawatan pada Oktober 2003.

Perdana Menteri mengumumkan peletakan jawatan daripada semua jawatan kerajaan dan parti pada perhimpunan agung Umno 22 Jun lepas, berkuat-kuasa serta-merta tetapi berjaya dipujuk oleh anggota Majlis Tertinggi parti supaya terus memegang jawatan itu hingga mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang dijadualkan pada Oktober tahun depan.

Dr Mahathir menamakan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya.

Ketika ditanya sama ada persidangan dwi-tahunan itu akan diteruskan, Perdana Menteri berkata: "Saya harap LID akan diteruskan, ia bergantung kepada Perdana Menteri yang baru (Abdullah)."

Mengenai perkembangan lain, Dr Mahathir enggan mendedahkan nama negara kaya yang didakwanya "merampas" pelaburan besar dari Malaysia dengan menawarkan US\$200 juta (RM760 juta) dan ganjaran lain kepada bakal pelabur.

Dalam ucapan perasmian Global 2002 di sini malam tadi, Dr Mahathir berkata keganasan ekonomi meliputi pelbagai bentuk dan menyebut contoh sebuah negara kaya yang membuat tawaran kepada bakal pelabur dalam usaha menyekat pelabur itu daripada melabur di Malaysia.

"Saya tidak menyatakan identiti (negara yang melakukan keganasan ekonomi)," katanya.

Ditanya sama ada negara yang melakukan tindakan pengecut itu merupakan negara jiran, Dr Mahathir berkata: "Saya tak tahu."

Sebelum itu, Dr Mahathir menerima kunjungan hormat Presiden Zimbabwe Robert Mugabe, Presiden Rwanda Paul Kagame, Naib Presiden Seychelles James Alix Michel dan Menteri Luar Mongolia Luvsan Erdenechuluun.

-- BERNAMA

SR AZZ TS LAT